


# Krisis penganut Islam, Kristian perlu dihenti

## PM minta pemimpin Asia, Eropah berusaha pulih keharmonian



Sidang Kemuncak Asia - Eropah Keenam (Asem 6)

**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan pentingnya pemimpin Asia dan Eropah bersama membetulkan sege- ra syak wasangka masyarakat Kris- tian di Barat dengan umat Islam yang kini dianggap serius sehingga mengancam keselamatan dan keamanan dunia.

Perdana Menteri berkata, krisis keyakinan kedua-dua pihak itu sekiranya dibiarkan akan menjadi bertambah kompleks dan sukar ditangani, sekali gus membawa implikasi buruk terhadap hubungan sekian lama terjalin antara dua rantau itu.

"Sebagai pemimpin politik, kita bertanggungjawab mengembalikan semula keyakinan dan saling menghormati antara penganut kedua-dua agama. Jurang semakin jauh antara dunia Islam dan dunia Barat harus dirapatkan dengan kedua-dua pihak terbuka menerima kesilapan lalu.

"Kita mahu suasana harmoni dan toleransi ini membabitkan pemimpin agama, masyarakat awam, cendekiawan, pendidik dan belia," katanya dalam sidang media pada hari terakhir Sidang Kemuncak Asia-Eropah Keenam (Asem 6) di sini, kelmarin.

Beliau diminta mengupas kandungan ucapannya sebagai pembahas utama dalam sesi tertutup kedua Asem 6 bertema 'Dialog Antara Agama dan Peradaban' yang menjadi tumpuan ketua negara dan delegasi sidang berkenaan.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), berkata kekeruhan itu bertambah buruk apabila Barat mengambil tindakan ketenteraan terhadap Palestin, Afghanistan dan Iraq kononnya bagi memerangi keganasan.

"Malangnya, umat Islam melihat tindakan ini sebagai menindas negara itu dan umat Islam.

"Jadi selagi hakikat ini tidak diterima dengan baik, kita mungkin



**SELAMAT DATANG:** Abdullah bersalaman dengan kakitangan dan keluarga kedutaan ketika menghadiri makan malam di Kedutaan Malaysia di Espoo, di Helsinki, semalam.

menidakkan kebenaran dan dengan ini elemen syak wasangka ini bertambah besar dan menjadi duri dalam daging," katanya sambil menyatakan kesediaan Malaysia berkongsi pengalaman menerusi dialog, forum dan penjelasan mengenai agama dan peradaban.

Mengenai Asem 6, Abdullah gembira kerana sidang kali ini sangat produktif dengan pemimpin negara sedang membangun selesa membincangkan masalah dan menyuarakan pandangan kepada dunia Barat, khususnya Eropah.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini pemimpin negara Asia yang kebanyakannya negara sedang membangun dan kurang membangun, terikat dalam mengetengahkan pandangan kepada rakan dialog dari negara maju yang mewakili Eropah.

"Tetapi, selepas enam kali dialog dianjurkan dan Asem pula memasuki usia 10 tahun, hari ini sudah wujud kesefahaman yang cukup baik antara

negara rakan dialog," katanya.

Abdullah juga berkata, pertemuan di Helsinki amat positif terutama dalam mengupas isu berkaitan rapat dengan isu semasa merangkumi politik, ekonomi, agama dan peradaban, alam sekitar dan keselamatan tenaga.

Katanya, sidang kali ini turut menyaksikan pembesaran keluarga Asem dengan penerimaan anggota

### FAKTA NOMBOR

Sidang Kemuncak Asia-Eropah

10

Tahun usia Asem

6

Kali dialog diadakan

baru, sekali gus memberi tanda positif bahawa ia semakin mendapat kepercayaan sebagai saluran persefahaman dua rantau.

"Malah, kita di Asean begitu bangga kerana Sekretariat Asean diterima masuk yang akan memainkan peranan sebagai koordinator antara Asean dengan Eropah, termasuk Asean+3 membabitkan China, Jepun dan Korea," katanya.

Selain Sekretariat Asean, anggota baru Asem bagi rantau Asia ialah India, Pakistan dan Mongolia manakala Eropah membabitkan Bulgaria dan Romania, menjadikan keanggotaannya meningkat daripada 39 kepada 45 anggota.

Ditanya sama ada Asem relevan dalam memperjuangkan kebebasan hak asasi dan demokrasi, Abdullah berkata, Asem kini lebih terbuka dan contoh paling baik apabila kehadiran pemimpin Myanmar yang sebelum ini tidak diterima masuk berikutan tekanan dari Eropah.